

R B075 DEB

MAHATHIR - MCA

KUALA LUMPUR, AUG. 10 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENAFIKAN SPEKULASI DAN KHABAR-KHABAR ANGIN BAHAWA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL PADA 17 OGOS INI AKAN MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN MENYINGKIRKAN MCA DARIPADA GABUNGAN 11 PARTI ITU.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI, PENERUSI BN ITU BERKATA TIDAK ADA AGENDA KHUSUS MENGENAI MASALAH MCA, MALAH MESYUARAT ITU MEMPUNYAI AGENDA TERBUKA.

TERDAPAT SPEKULASI DAN KHABAR-KHABAR ANGIN BAHAWA MAJLIS TERTINGGI BN AKAN MENIMBANGKAN PENYINGKIRAN MCA DALAM MESYUARATNYA PADA 17 OGOS INI UNTUK MEMAKSA PARTI ITU MENYELESAIKAN SEMUA MASALAHNYA DI LUAR GABUNGAN ITU.

BILA DIMINTA MENGULAS MENGENAI KHABAR-KHABAR ANGIN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: + SAYA TIDAK TAHUN MENAHU MENGENAINYA. KAMI AKAN MENGADAKAN MESYUARAT BARISAN NASIONAL, TETAPI TIDAK ADA AGENDA MENGENAI PERKARA ITU (PENYINGKIRAN MCA).

+ KAMI AKAN MEMBINCANGKAN SEBARANG PERKARA YANG DITIMBULKAN DALAM MESYUARAT ITU,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI
1332MST 10 08 85

D744

U B078 DEB

MAHATHIR - MCA 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI SUASANA DALAM MCA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA ADALAH URUSAN MCA DAN +SAYA TIDAK TERBABIT+.

BILA PARA PEMBERITA MENDESAK BELIAU MENGULAS MENGENAI KHABAR-KHABAR ANGIN, PERDANA MENTERI BERKATA +SAYA TIDAK TAHU MENAHU MENGENAI KHABAR-KHABAR ANGIN ITU. ADA ORANG MENYEBUT PERKARA ITU. BUKAN SAYA YANG MEMULAKANNYA+.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERMOHONAN PARTI BERSATU SABAH UNTUK MENYERTAI BARISAN NASIONAL ADALAH ANTARA PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIBINCANGKAN.

PBS TELAH MENGHANTAR PERMOHONANNYA TIDAK LAMA SELEPAS PARTI ITU DIPILIH MENUBUHKAN KERAJAAN NEGERI SABAH SETELAH MENUMPASKAN BERJAYA, ANGGOTA BARISAN NASIONAL, DALAM PILIHANRAYA NEGERI APRIL LALU. --
BERNAMA

1356MST 10 08 85